

30/01/1999

Cara komunis diguna burukkan kerajaan

KOTA BHARU, Jumaat - Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor mendedahkan ada pihak tertentu menggunakan pendekatan komunis untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat dengan menyebarkan khabar angin menerusi Internet.

Beliau berkata, mereka juga menjadikan khabar angin sebagai senjata utama memburukkan kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kegiatan itu dikesan sejak kebelakangan ini yang bertujuan mewujudkan kebimbangan dan rasa takut di kalangan rakyat.

"Ini menyebabkan orang luar terutama pelabur tidak yakin kepada sistem ekonomi negara. Pendekatan ini dibuat untuk timbulkan tekanan kepada kerajaan seperti dilakukan komunis suatu ketika dahulu.

"Kita boleh agak siapa sebenarnya dalang terbabit, tetapi untuk membuktikannya adalah sukar kerana mereka mempunyai cara tersendiri. Yang pasti mereka adalah golongan yang kecewa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Ahli Jawatankuasa Penerangan Umno Kelantan di Pejabat Umno negeri di sini, semalam.

Menurutnya, parti pembangkang secara tidak langsung terbabit dalam kegiatan ini walaupun tidak 100 peratus.

"Parti pembangkang dikenal pasti mengambil peluang dengan memberi dorongan kepada golongan terbabit menyebarkan khabar angin dan jika ditanya, mereka tidak akan mengaku," katanya.

Menurutnya, pendekatan yang mereka lakukan itu hampir sama dengan pendekatan komunis suatu ketika dulu kerana apa yang jelas mereka ingin menunjukkan kerajaan pada hari ini tidak lagi mendapat keyakinan rakyat.

Beliau berkata, golongan kecewa terbabit bertindak demikian untuk membantu negara kuasa besar memecahbelahkan perpaduan kaum, kestabilan politik dan ekonomi negara.

"Oleh itu, saya berharap, rakyat jangan mudah terpengaruh dengan semua maklumat yang tidak berasas itu kerana mereka bergerak dengan tujuan menghancurkan negara ini dan membunuh karektor Seri Dr Mahathir sebagai Presiden Umno," katanya.

Menurutnya, Umno mempunyai pendekatan tersendiri yang sudah dan akan dilaksanakan bagi memastikan segala tomanan dapat diperbetul dan dijelaskan.

"Penerangan atau penjelasan itu bukan saja bergantung kepada ucapan tetapi kepada lain-lain kemudahan seperti menerusi Internet, media massa dan jentera kerajaan.

"Kalau ada orang menolak apa yang kita jelaskan, akhirnya mereka akan menerima kenyataan itu berdasarkan kejayaan BN, khususnya Ummno sejak memerintah negara ini," katanya.

(END)